

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

RAG 161 - Teknologi Binaan 1

Masa : (3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. Dua daripada BAHAGIAN A dan DUA dari BAHAGIAN B.

BAHAGIAN A

1. (a) Nyatakan dengan ringkas kaedah menyediakan bahan-bahan binaan untuk kerja-kerja pembinaan sebuah dinding bata yang dipraktikkan di negara ini.
(b) Lakarkan secara terperinci 3 jenis ikatan dinding bata.
 - i. ikatan Inggeris (dinding setebal satu setengah bata)
 - ii. ikatan Flemish (dinding setebal 1 bata)
 - iii. ikatan sisi.
- (25 markah)
2. (a) Mengapakah nisbah air/simen sangat penting dalam bancuhan konkrit? Terangkan kaedah yang biasa di-kendalikan di tapak bagi mengawal kandungan air dalam bancuhan konkrit.
(b) Apakah yang anda faham tentang istilah Konkrit pra-tuang dan bincangkan kebaikan dan keburukannya di dalam industri pembinaan?

(25 markah)

...2/-

3. Huraikan 5 jenis kaca berikut:-

- (a) kaca penebat
- (b) kaca pembalikan
- (c) kaca lapis
- (d) kaca blok
- (e) kaca penyerap haba

(25 markah)

BAHAGIAN B

Jawab DUA (2) soalan sahaja.

4. Merekabentuk struktur sesuatu bangunan memerlukan penyelidikan rapi terhadap tapak yang akan dibina, senaraikan perkara-perkara yang perlu dibuat kajian terlebih dahulu.

(25 markah)

5. Terangkan dengan bantuan lakaran 3 jenis asas bangunan yang lazim digunakan untuk bangunan kediaman tidak lebih daripada 2 tingkat.

(25 markah)

6. Rumah Melayu tradisional mencontohkan sistem pembinaan kayu yang mudah dan efektif. Lakarkan satu keratan menyeluruh yang jelas, sebuah Rumah Melayu tradisional ini, menunjukkan cara pembinaan/penyambungan dan namakan semua bahagian-bahagian sistem yang terlibat serta ukuran yang sesuai.

(25 markah)

-ooo00ooo-